

## **BAHAGIAN PELESENAN**

**SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN TEMPAT JUALAN MOTOSIKAL DAN KERETA ( SHOW ROOM ). KEDAI / TEMPAT MENJUAL MOTOSIKAL DENGAN SERVIS SELEPAS JUALAN.**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>
1.	Aktiviti-aktiviti dan kerja-kerja membaiki ( buka enjin ), mengetuk badan kenderaan, kimpalan dan ujian, servis motosikal dan kenderaan tidak dibenarkan dikedai. Hanya boleh menjual kenderaan dan motosikal sahaja.
2.	Dinding dalam premis hendaklah disudahi ‘ubin ceramic’ atau “epoxy”, kaca dan sebagainya.
3.	Premis hendaklah mempunyai system bekalan air Jabatan Bekalan Air / Elektrik dan system pembentungan yang sempurna dan mencukupi.
4.	Semua barang-barang di premis hendaklah diletak / disimpan atas rak-rak / pellet berbahan tahan lama, senang dicuci dan boleh diguna semula seperti besi dan plastik dengan kemas dan teratur.
5.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong-tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih.
6.	Mempamerkan papan tanda ‘dilarang merokok’ dan menjaga kebersihan.
7.	Mengadakan peti rawatan kecemasan yang sempurna dan lengkap.
8.	Dilarang meletakkan sebarang benda di kaki lima, jalan atau ruang laluan, tangga, tandas, dan pintu keluar masuk.
9.	Mengadakan alat pemadam api yang sempurna dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak bomba.
10.	Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting).
11.	Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki dan besen yang sempurna dan mencukupi.
12.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik / ruang di premis untuk tempat tidur ( penginapan ) atau untuk makan dan sebagainya tanpa kebenaran MDKS.
13.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain di premis tanpa lesen atau kebenaran MDKS.
14.	Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan premis dan persekitarannya.